

MAHATHIR

76 (P) 84
KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA ADA TANDA-TANDA YANG MENUNJUKKAN DISIPLIN DI SETENGAH-SETENGAH SEKOLAH TIDAK MEMUASKAN DAN MUNGKIN BERTAMBAH BURUK JIKALAU DIBIARKAN TANPA DIPERBAIKI.

KEJADIAN SEPERTI PONTENG SEKOLAH DAN PENGLIBATAN RAMAI PARA PELAJAR DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH MENUNJUKKAN DISIPLIN ANAK-ANAK PERLU MENDAPAT PERHATIAN YANG SEWAJARNYA DARI SEMUA PIHAK BERKENAAN.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SEMINAR DISIPLIN SEKOLAH MENENGAH DI PEJABAT PELAJARAN SELANGOR DISINI HARI INI.

KATANYA, BELIAU MENGAMBIL BERAT TENTANG SOAL INI KERANA JIKA DISIPLIN SESEBUAH SEKOLAH TIDAK BAIK, KEADAAN DAN SUASANA DI SEKOLAH TIDAK LAGI TERATUR DAN PELAJARAN AKAN TERGANGGU, SERTA KEMAJUAN PELAJARAN MURID-MURID TIDAK AKAN TERJAMIN. -- BERSAMBUNG 1945/SZ

EE

B535

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+APAKAH ERTINYA KEPADA NEGARA JIKALAU RAMAI BELIA-BELIANYA TIDAK BERPELAJARAN YANG SECUKUPNYA DAN TIDAK TERTIB DAN BERPERATURAN DALAM KEGIATAN MEREKA, + TANYA BELIAU.

+SALAH SATU OBJEKTIF PELAJARAN IALAH UNTUK MELAHIRKAN WARGA-NEGARA YANG BERDISIPLIN SUPAYA NEGARA LEBIH PESAT MEMBANGUN DAN MENCAPAI MATLAMATNYA.+

BELIAU BERKATA, GURU-GURU PATUTLAH MEMANDANG BERAT TERHADAP HASRAT KERAJAAN INI DAN MEMBERI PERHATIAN SEPENUHNYA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN YANG LEBIH TINGGI.

KATANYA, HARAPAN MASYARAKAT DAN NEGARA ADALAH TINGGI DAN DIATAS BAHU GURU TERLETAK TANGGUNGJAWAB UNTUK MENDIDIK ANAK-ANAK BANGSA DENGAN SEMPURNA.

DR. MAHATHIR MEMINTA GURU-GURU DAN IBUBAPA BEKERJASAMA DEMI KEPENTINGAN DISIPLIN DI SEKOLAH.

KATANYA, KEMENTERIAN PELAJARAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMELIHARA DISIPLIN YANG TINGGI DI SEKOLAH-SEKOLAH DAN ARAHAN-ARAHAN UNTUK MENGEMASKAN DISIPLIN TELAH DIKELUARKAN DARI MASA KESEMASA. -- BERNAMA 1947/SZ